

## **Nestlé Terus Catatkan Pertumbuhan Kukuh Bagi Separuh Pertama Walaupun Hadapi Suasana Mencabar**

*Inovasi Produk Jadi Pemacu Pertumbuhan Utama*

### **SOROTAN PENTING**

- Syarikat terus catatkan pertumbuhan menggalakkan iaitu 4.1% pada separuh pertama 2017, dengan pertumbuhan yang baik dalam perniagaan domestik dan eksport.
- Jualan domestik diterajui oleh pemasaran dan promosi perdagangan yang berkesan serta inovasi produk kukuh.
- Mengelakkan Untung Operasi berjumlah RM519 juta pada separuh pertama 2017, walaupun menghadapi persekitaran luar mencabar. Ini dicapai dengan kecekapan lebih tinggi, pengurusan kos yang teliti dan pelaburan pemasaran strategik.
- Mengisytiharkan dividen interim bersih RM0.70 sesaham.

**PETALING JAYA, 21 Ogos 2017** – Nestlé (Malaysia) Berhad terus mencatatkan pertumbuhan mantap walaupun menghadapi persekitaran luar yang mencabar pada tempoh enam bulan pertama tahun kewangan berakhir 30 Jun 2017.

### **Tinjauan prestasi: Tahun Sehingga kini, 2017 berbanding Tahun Sehingga tarikh sama, 2016**

Bagi separuh pertama berakhir 30 Jun 2017, Kumpulan mencatatkan Perolehan berjumlah RM2.7 bilion, mencerminkan peningkatan 4.1% berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

En Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, “Keadaan pasaran amat mencabar pada separuh pertama dan kami mengharungi persekitaran luar yang amat sukar. Walaupun begitu, Kumpulan tetap berdiri teguh dan terus mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan. Asas kami yang kukuh dan daya inovasi yang mantap menjadi penentu kejayaan penting, seperti yang dilihat daripada angka pertumbuhan perniagaan domestik dan eksport.”

“Inovasi kekal sebagai pemacu pertumbuhan utama bagi Nestlé. Kami telah melancarkan produk-produk baharu pada separuh pertama 2017, seperti MAGGI Hot Mealz, MILO ‘KAW’ sempena Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, KIT KAT Mini dan Aiskrim Panda MAT KOOL. Ditambah pula dengan pemasaran dan promosi perdagangan berkesan, ini membantu memacu pertumbuhan jualan domestik.”

Pihak Kumpulan terus mencatatkan keuntungan yang mantap dalam keadaan pasaran yang sukar, dan meraih Untung Operasi yang lebih tinggi sebanyak RM519 juta bagi tempoh enam bulan yang dilaporkan, suatu peningkatan berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Kecekapan dalaman yang lebih tinggi, pengurusan kos yang berhemat serta pelaburan pemasaran strategik telah membantu mengimbangi kesan harga bahan mentah yang lebih tinggi. Disebabkan kadar cukai berkesan yang lebih tinggi, Kumpulan telah mecatatkan Untung Selepas Cukai sebanyak RM393 juta, penurunan sedikit berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

Sejajar dengan komitmen Kumpulan kami untuk meningkatkan nilai pemegang saham, Lembaga Pengarah mengisyiharkan dividen interim bersih RM0.70 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

#### **Tinjauan prestasi: Suku 2, 2017 berbanding Suku 2, 2016**

Kumpulan mencatatkan Perolehan berjumlah RM1.28 bilion bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2017. Ini merupakan kenaikan 3.8% berbanding RM1.24 bilion untuk suku tahun yang sama tahun lepas.

Menurut En Hofbauer, “Aktiviti pemasaran dan perdagangan kami yang berkesan semasa musim Raya membolehkan kami mencapai pertumbuhan yang memberangsangkan pada suku tahun yang dilaporkan. Perniagaan eksport kami juga memainkan peranan dalam keputusan positif ini.”

Walaupun harga bekalan bahan mentah lebih tinggi termasuk tepung susu dan biji kopi, di samping mata wang Ringgit yang semakin lemah pada separuh pertama tahun, Kumpulan mencatatkan Untung Operasi kukuh berjumlah RM221 juta.

Prestasi ini dicapai berlandaskan pengurusan kos proaktif dan pelaburan pemasaran strategik mengikut fasa.

## Prospek

En Hofbauer menambah, “Pada separuh kedua tahun, kami mengunjurkan cabaran yang dihadapi daripada harga bahan mentah akan berterusan. Namun, kami yakin bahawa usaha kami mempelopori inovasi akan membolehkan kami mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh.”

“Pendekatan seimbang kami kepada pengurusan kos proaktif dan peningkatan kecekapan yang berterusan di seluruh rantaian bekalan kami akan membolehkan kami mencapai pertumbuhan mampan dan menguntungkan pada masa depan,” katanya.

“Rantau Asia Tenggara ialah pemacu pertumbuhan teras bagi Syarikat kami, dan Malaysia secara khususnya ialah satu pasaran penting bagi Nestlé. Kami yakin bahawa berbekalkan asas kami yang kukuh, kami bersedia untuk memanfaatkan potensi besar negara ini, dan terus membekalkan khasiat pemakanan kepada rakyat Malaysia sehingga ke generasi akan datang. Usaha ini adalah sejajar dengan matlamat kami untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat,” rumus En Hofbauer.

### Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak 1912, kami telah menjana khasiat rakyat Malaysia menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

---

### Untuk maklumat lanjut:

#### Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad  
Tel: (+603) 7965 5185  
+6012-353 1337  
E-mel: [Maxine.Lim@my.Nestle.com](mailto:Maxine.Lim@my.Nestle.com)

#### Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications  
Tel: (+603) 7958 8348  
+6012-304 7604 (Joanne) atau  
+6017-237 9048 (Yasmin)  
E-mel: [acorncommunications@acornc.com.my](mailto:acorncommunications@acornc.com.my)